



24 Oktober 2017  
24 October 2017  
P.U. (A) 327

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN BEKALAN ELEKTRIK  
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2017

*ELECTRICITY SUPPLY (COMPOUNDING OF OFFENCES)  
REGULATIONS 2017*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

**AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990**

**PERATURAN-PERATURAN BEKALAN ELEKTRIK  
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 43(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*], Menteri, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik (Pengkompaunan Kesalahan) 2017.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 25 Oktober 2017.

**Kesalahan yang boleh dikompaun**

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang boleh dikompaun itu boleh dikompaun dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya dalam Borang 1 Jadual Kedua.

**Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun**

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan hendaklah dibuat dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Seseorang yang menyetuju terima tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetuju terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua.

**Pembayaran kompaun**

4. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia boleh membayar kompaun itu—

- (a) secara tunai dan bayaran itu hendaklah diserahkan sendiri kepada Suruhanjaya; atau
  - (b) melalui kiriman wang, kiriman wang pos, pesanan juruwang, cek jurubank atau draf bank yang kena dibayar kepada Suruhanjaya dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”.
- (2) Jika bayaran dibuat di bawah perenggan (1)(b), ia hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada Suruhanjaya.
- (3) Suruhanjaya hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi bagi setiap pembayaran yang diterima di bawah peraturan ini kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

### **Pembatalan**

5. Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik (Pengkompaunan Kesalahan) 2001 [P.U. (A) 408/2001] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA  
[subperaturan 2(1)]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

(a) kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 seperti yang berikut:

- (i) seksyen 8;
- (ii) subseksyen 9A(2);
- (iii) subseksyen 9B(3);
- (iv) subseksyen 9C(5);
- (v) seksyen 9D;
- (vi) seksyen 9E;
- (vii) subseksyen 21(3);
- (viii) subseksyen 21(5);
- (ix) subseksyen 22(1);
- (x) subseksyen 22(3);
- (xi) subseksyen 22A(3);
- (xii) subseksyen 22B(3);
- (xiii) subseksyen 23(2);
- (xiv) subseksyen 24(6);
- (xv) subseksyen 26(4);
- (xvi) subseksyen 26(6);
- (xvii) subseksyen 28B(2);
- (xviii) subseksyen 29(4);
- (xix) subseksyen 33(6);
- (xx) subseksyen 33A(3);
- (xxi) subseksyen 33B(4);
- (xxii) subseksyen 33C(2);
- (xxiii) subseksyen 33D(2);

- (xxiv) perenggan 37(3)(A)(i);
  - (xxv) subseksyen 37(4);
  - (xxvi) subseksyen 37(5);
  - (xxvii) subseksyen 37(6);
  - (xxviii) subseksyen 37(7);
  - (xxix) subseksyen 37(8);
  - (xxx) subseksyen 37(9);
  - (xxxi) subseksyen 37(10);
  - (xxxii) subseksyen 37(11);
  - (xxxiii) perenggan 37(12)(b);
  - (xxxiv) perenggan 37(13)(b);
  - (xxxv) subseksyen 37(14);
  - (xxxvi) seksyen 37B;
  - (xxxvii) subseksyen 38(1);
  - (xxxviii) subseksyen 38(1B);
  - (xxxix) subseksyen 38(4);
  - (xl) subseksyen 44A(6);
  - (xli) subseksyen 44B(1);
  - (xlii) subseksyen 45(2);
  - (xliii) subseksyen 45A(4);
  - (xliv) subseksyen 45A (5);
  - (xlv) subseksyen 45A (6);
  - (xlvi) subseksyen 48(2);
  - (xlvii) subseksyen 49(5);
  - (xlviii) subseksyen 50(2);
  - (xlix) subseksyen 50B(1);
  - (l) seksyen 50E;
  - (li) subseksyen 52(5);
  - (lii) subseksyen 52A(3); dan
  - (liii) subseksyen 52B(4);
- (b) semua kesalahan yang dilakukan di bawah Peraturan Elektrik 1994 [P.U. (A) 38/1994]; dan